

**GARISPANDUAN AM PELAKSANAAN TERMASUK KUTIPAN CAJ BAYARAN
UNTUK SANGKUTAN KLINIKAL (*CLINICAL ATTACHMENT*) DI HOSPITAL-
HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) OLEH PAKAR
PERUBATAN, PEGAWAI PERUBATAN, JURURAWAT DAN ANGGOTA SAINS
KESIHATAN BERSEKUTU (ASKB) SEPERTI PEGAWAI SAINS, PEGAWAI
DIETETIK, JURU X-RAY, JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN DAN
PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN DARI SEKTOR AWAM DAN SWASTA
DALAM DAN LUAR NEGARA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk :

- (a) Memberi panduan am mengenai permohonan dan pelaksanaan sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) oleh Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Jururawat dan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) **seperti** pegawai sains, pegawai dietetik, juru x-ray, juruteknologi makmal perubatan dan pegawai pemulihan perubatan dari sektor awam dan swasta dalam dan luar negara.
- (b) Pengutipan dan penyeragaman caj bayaran bagi sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di hospital KKM dari anggota sektor swasta dalam negara dan anggota dari luar negara yang membuat sangkutan klinikal tersebut.

2. LATARBELAKANG

Pada ketika ini, terdapat banyak permohonan dari sektor awam dan swasta dalam dan luar negara untuk menempatkan pakar perubatan, pegawai perubatan, jururawat dan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) seperti pegawai sains, pegawai dietetik, juru x-ray, juruteknologi makmal perubatan dan pegawai pemulihan perubatan untuk menjalani latihan kepakaran atau sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di hospital dan institusi perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti Institut Perubatan Respiratori, Pusat Darah Negara dan sebagainya bagi mendapat pengalaman dan meningkatkan kemahiran.

Implikasi positif lanjutan dari sangkutan klinikal ini adalah boleh memberi peluang kepada Malaysia menjadi pusat latihan perubatan bertaraf antarabangsa. Namun demikian, pemantauan perlu dibuat agar tidak menjejaskan peluang latihan terhadap anggota KKM sendiri atau lain-lain implikasi negatif yang mungkin terjadi.

3. CAJ BAYARAN YANG DIKENAKAN UNTUK SANGKUTAN KLINIKAL DI HOSPITAL / INSTITUSI PERUBATAN KKM

3.1 Bagi tujuan bayaran yang dikenakan untuk sangkutan klinikal di hospital KKM oleh anggota perubatan dan anggota Sains Kesihatan Bersekutu seperti pegawai sains, pegawai dietetik, juru x-ray, juruteknologi makmal perubatan dan pegawai pemulihan perubatan dari sektor swasta dalam negara dan anggota dari luar negara, dua kategori am telah dikenalpasti:

3.1.1 **Pelatih** – anggota pelbagai kategori seperti pegawai perubatan, pakar perubatan, jururawat atau anggota sains kesihatan bersekutu seperti pegawai sains, pegawai dietetik, juru x-ray, juruteknologi makmal perubatan dan pegawai pemulihan perubatan yang telah mempunyai kelayakan asas atau kepakaran asas dan menjalani sangkutan klinikal (*cinical attachment*) dalam bidang tertentu.

3.1.2 **Pelajar** – pelajar perubatan, jururawat atau sains kesihatan bersekutu (anggota yang belum mempunyai kelayakan).

3.2 Semua pelatih atau pelajar yang dinyatakan di atas dari sektor swasta dalam negara dan anggota dari luar negara yang menjalani latihan kepakaran / sangkutan klinikal / praktikal di hospital-hospital KKM perlu dikenakan bayaran pada kadar yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal seperti di bawah:

KATEGORI	BIDANG	CAJ BAYARAN (sebulan /pelatih atau pelajar)	
		Warganegara	Bukan Warganegara
Pelatih	<i>Surgical Related</i>	RM1500.00	RM3000.00
	<i>Medical Related</i>	RM1000.00	RM2000.00
Pelajar	<i>Elective Posting (Pelajar Perubatan)</i>	Percuma	Percuma
	<i>Industrial Training (Pelajar Jururawat & Sains Kesihatan Bersekutu)</i>	RM100.00	RM200.00

3.2.1 ***Elective Posting*** - Penempatan elektif yang dibuat oleh **pelajar perubatan** bagi mendapat pengalaman dalam persekitaran yang berbeza dengan tempat yang biasa untuk latihan klinikal. Pada dasarnya tempoh untuk *elective posting* ialah 6 minggu di mana pelajar hanya membuat pemerhatian atau *observation* sahaja, tiada *hands-on*. Setiap elektif posting oleh pelajar perubatan mestilah memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 16/2008: Garis Panduan Melaksanakan Posting Elektif oleh Pelajar Perubatan di Fasilitas Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

3.2.2 ***Industrial Training*** - Latihan Industri ialah latihan praktikal yang dilaksanakan oleh pelajar IPT sebelum mereka menamatkan pengajian bagi memberi pendedahan dan membiasakan diri mereka ke alam pekerjaan memastikan setiap graduan memiliki kebolehpasaran (*marketability*) yang tinggi. Latihan Industri merupakan satu syarat bagi pelajar untuk bergraduat dan tempoh latihan industri biasanya tidak kurang dari 3 bulan.

- 3.3 Caj bayaran yang dikutip merupakan hasil kerajaan dan bayaran perlu dibuat melalui hospital / institusi yang berkaitan.
- 3.4 Caj bayaran ini dikenakan kepada pelatih atau pelajar tersebut antara lain kerana mereka menggunakan kemudahan hospital, tenaga kerja, peralatan, ruang, *consumables* dan sebagainya yang disediakan oleh kerajaan.
- 3.5 Tiada caj dikenakan bagi anggota sektor awam seperti anggota dari universiti awam atau lain-lain agensi kerajaan yang membuat sangkutan klinikal di hospital atau institusi perubatan KKM.
- 3.6 Caj bayaran juga tidak dikenakan untuk pegawai dalam dan luar negara yang dilantik secara kontrak oleh KKM yang bertugas untuk memberi perkhidmatan perawatan pesakit dan juga turut menjalani sangkutan klinikal dalam bidang tertentu.
- 3.7 Caj bayaran bagi sangkutan klinikal untuk kategori anggota yang tidak dinyatakan seperti Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Perubatan Tradisional dan Komplimentari dan sebagainya hendaklah dirujuk terus kepada Bahagian yang berkaitan.

4. SYARAT-SYARAT UNTUK MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 4.1 Semua pemohon dalam dan luar negara perlu mengemukakan laporan perubatan. Pemohon mestilah tidak mempunyai penyakit berjangkit seperti HIV, Hepatitis B atau C, TB dan sebagainya.
- 4.2 Mempunyai perlindungan insuran perubatan terutamanya bagi bukan warganegara Malaysia kerana sekiranya mereka jatuh sakit semasa berada di Malaysia, rawatan perubatan adalah ditanggung oleh individu itu sendiri atau majikan dan konsep bayarannya adalah sama seperti amalan sediaada.
- 4.3 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelatih/ pelajar warga asing memastikan mereka mematuhi semua undang-undang negara seperti mempunyai visa dan sebagainya.

- 4.4 Semua anggota dari kategori profesion seperti pegawai perubatan atau jururawat yang memerlukan pendaftaran sebelum mengamal perlu berdaftar atau mempunyai *Annual Practising Certificate* (APC) atau *Temporary Practising Certificate* (TPC) yang sah dari Majlis atau Lembaga masing-masing dan nama hospital berkaitan tercatat dalam sijil tersebut.

Contoh:

- Pegawai perubatan atau Pakar Perubatan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.
 - Jururawat perlu berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM).
 - Optometri yang perlu berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia.
- 4.5 Selaras dengan keperluan Seksyen 34(C) Akta Perubatan 1971, semua pegawai perubatan bukan kerajaan yang ingin berkhidmat di fasiliti KKM perlu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atau lain-lain pegawai mengikut peraturan semasa.
- 4.6 Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan perlu mendapatkan *privileging* di peringkat hospital sebelum dibenarkan membuat prosedur tertentu.
- 4.7 Sekiranya mereka menghadiri seminar yang dianjurkan oleh agensi luar, semua bayaran tidak akan ditanggung oleh KKM.
- 4.8 Pelatih / pelajar dari luar negara yang menjalani latihan di hospital KKM perlu mempunyai kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris.
- 4.9 Kemudahan tempat tinggal tidak disediakan dan tidak akan menerima sebarang elaun/gaji semasa menjalani sangkutan klinikal tersebut.
- 4.10 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa menjalani sangkutan klinikal tersebut adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan termasuk untuk laporan / penerbitan tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- 4.11 Pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kecederaan yang dialami atau penyakit yang diperolehi semasa tempoh sangkutan klinikal tersebut

- 4.12 Pelatih / pelajar yang menjalani latihan di hospital KKM adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), undang-undang sedia ada dan peraturan yang disediakan oleh pihak hospital dari masa ke semasa.
- 4.13 Pegawai perubatan atau pakar perubatan yang menjalani sangkutan klinikal tidak boleh menandatangani Sijil Cuti Sakit (MC), Sijil Kematian, menyediakan Laporan Perubatan dan sebagainya yang boleh membawa kepada implikasi medikolegal.

5. PERMOHONAN UNTUK MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 5.1 Semua permohonan untuk menjalani sangkutan klinikal di hospital / institusi perubatan KKM mestilah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 5.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada Jabatan Kesihatan Negeri berkaitan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh penempatan.
- 5.3 Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab untuk memproses setiap permohonan yang diterima.
- 5.4 Pengarah Kesihatan Negeri berhak menolak permohonan sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- 5.5 Penerimaan pelatih / pelajar untuk sangkutan klinikal di hospital / institusi perubatan KKM mestilah **tidak** menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh KKM kepada pesakit dan juga **tidak** menjejaskan peluang latihan terhadap anggota KKM sendiri.
- i. Bilangan yang bakal diterima ditentukan oleh KKM
 - ii. Tempat / hospital yang dipilih ditentukan oleh KKM
 - iii. Fasiliti KKM tersebut mestilah mempunyai nisbah pengajar: pelajar (*trainer : trainee ratio*) yang mencukupi terutamanya bagi latihan subkepakaran.

6. PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai aspek teknikal dalam garis panduan ini bolehlah dikemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel: 03-8883 1104
Fax: 03-8883 1105

- 6.2 Pertanyaan mengenai aspek kewangan seperti tatacara kewangan, kutipan hasil dan sebagainya hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel: 03-8883 3269 / 03-88833103
Fax: 03-88834389